



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (4)
Tarikh : 5 Februari 2020

SIARAN MEDIA

KPKT TIDAK TERLIBAT DALAM PEMBERIAN GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA DENGAN BANK DUNIA MELALUI AGENSI PENAMBAHBAIKAN RUMAH MALAYSIA

PUTRAJAYA, 5 Februari 2020 - Adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tidak terlibat dalam Pemberian Geran Kerajaan Persekutuan Malaysia dengan Bank Dunia melalui Agensi Penambahbaikan Rumah Malaysia seperti yang tersebar melalui mesej dan *posting* di media sosial.

KPKT telah menerima aduan dan maklumat daripada orang awam mengenai penawaran geran ini yang menawarkan bantuan kewangan termasuklah membantu untuk mendapatkan rumah. Modus operandi ini secara umumnya dibuat menerusi mesej atau *posting* di media sosial yang memaklumkan mengenai pemberian geran oleh pihak kerajaan Malaysia yang memberi bantuan kepada mangsa terutamanya kepada golongan pesara, warga emas, orang kelainan upaya (OKU).

Dana geran ini menjanjikan pemberian bantuan bagi tujuan perniagaan dan juga kegunaan peribadi untuk menyelesaikan kesulitan yang dihadapi oleh mangsa. Mangsa juga seterusnya perlu mendedahkan maklumat peribadi mereka dan membuat pembayaran yuran pemprosesan kepada individu/akaun tertentu bagi membolehkan mereka menerima bantuan berkenaan.

KPKT ingin menegaskan bahawa, geran kerajaan lazimnya **TIDAK** diberikan kepada individu sebagai hadiah peribadi. Sehubungan itu orang ramai digesa untuk lebih berhati-hati sekiranya dihubungi oleh individu atau agensi yang tidak dikenali yang menyatakan anda layak untuk mendapatkan bantuan bagi mengelakkan menjadi mangsa penipuan. Sebarang aduan dan pengesahan maklumat yang berkaitan boleh dibuat melalui email: pro@kpkt.gov.my / penguatkuasaJPN@kpkt.gov.my / atau melalui sistem <https://aduan.skmm.gov.my> atau telefon di talian 03- 8000 8000.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

LAMPIRAN

